



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 59

10hb November 2016

No. 23

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
(Akta 172)

TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976
(Act 172)

No. 51.

PEMBERITAHUAN PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA NEGERI KEPADA DRAF
RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN KANGAR 2009-2020
(PENGUBAHAN)

NOTIFICATION OF STATE AUTHORITY'S ASSENT TO THE DRAFT OF KANGAR
MUNICIPAL COUNCIL LOCAL PLAN 2009-2020 (ALTERATION)

Menurut subseksyen 15(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], adalah diberitahu bahawa Pihak Berkuasa Negeri Perlis telah memberi persetujuannya pada 13 Julai 2016 kepada:

Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kangar 2009-2020 (Pengubahan).

2. Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kangar 2009-2020 (Pengubahan) sekarang dikenali sebagai Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kangar 2009-2020 (Pengubahan) dan boleh diperiksa di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perlis dan Majlis Perbandaran Kangar dalam waktu pejabat.

Pursuant to subsection 15(4) of the Town and Country Planning Act 1976 [*Act 172*], it is notified that the State Authority of Perlis has given its assent on 13 July 2016 to the:

Draft of Kangar Municipal Council Local Plan 2009-2020 (Alteration).

2. The Draft of Kangar Municipal Council Local Plan 2009-2020 (Alteration) is now identified as the Kangar Municipal Council Local Plan 2009-2020 (Alteration) and may be inspected at the Department of Town and Country Planning Perlis and Kangar Municipal Council during office hours.

Bertarikh 1 November 2016

Dated 1 November 2016

[SUK.Ps. 05/392 Jld. 2)

NORAZLAN BIN YAHAYA

*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis*

*Secretary of State Legislative Assembly
Perlis*

No. 52.

PEMBERITAHUAN PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA NEGERI KEPADA DRAF
RANCANGAN KAWASAN KHAS PUSAT BANDAR KUALA PERLIS 2030

NOTIFICATION OF STATE AUTHORITY'S ASSENT TO THE DRAFT OF KUALA PERLIS
TOWN CENTRE SPECIAL AREA PLAN 2030

Menurut subseksyen 15(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], adalah diberitahu bahawa Pihak Berkuasa Negeri Perlis telah memberi persetujuannya pada 16 Mac 2016 kepada:

Draf Rancangan Kawasan Khas Pusat Bandar Kuala Perlis 2030.

2. Draf Rancangan Kawasan Khas Pusat Bandar Kuala Perlis 2030 sekarang dikenali sebagai Rancangan Kawasan Khas Pusat Bandar Kuala Perlis 2030 dan boleh diperiksa di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perlis dan Majlis Perbandaran Kangar dalam waktu pejabat.

Pursuant to subsection 15(4) of the Town and Country Planning Act 1976 [Act 172], it is notified that the State Authority of Perlis has given its assent on 16 March 2016 to the:

Draft of Kuala Perlis Town Centre Special Area Plan 2030.

2. The Draft of Kuala Perlis Town Centre Special Area Plan 2030 is now identified as the Kuala Perlis Town Centre Special Area Plan 2030 and may be inspected at the Department of Town and Country Planning Perlis and Kangar Municipal Council during office hours.

Bertarikh 1 November 2016

Dated 1 November 2016

[SUK.Ps. 05/392 Jld. 2)

NORAZLAN BIN YAHAYA

*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis*

*Secretary of State Legislative Assembly
Perlis*

No. 53.

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohamad Firdaus bin Abdul Hamid, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 16 November 2016 pada 11.00 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM99,000.00 (Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Sembilan Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada *pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM27,501.74. Nama pemegang gadaian—Public Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM9,900.00 (Ringgit Malaysia Sembilan Ribu Sembilan Ratus Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena bayar kepada pemegang gadaian;

- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 16 Mac 2017 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang dinyatakan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kurong Anai. No. Lot—6072. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3436. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 2417/2004 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 28 September 2016
[PTG.Ps.(R) 1/80 F 2056(11A)]

MOHAMAD FIRDAUS BIN ABDUL HAMID
Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Perlis

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA